

ABSTRAK

Kajian ini mengenal pasti struktur genre wacana berita politik akhbar bahasa Melayu tempatan di Malaysia. Ia juga secara khusus mengkaji penggunaan dua alat kohesif iaitu rujukan dan kata hubung bagi mewujudkan kohesi dalam wacana berita.

Secara umum, kajian ini menerapkan pendekatan genre yang diperkenalkan oleh Swales (1981) apabila mengkaji struktur genre wacana berita politik. Bagi menentukan ciri-ciri organisasi yang terdapat dalam wacana berita politik, kriteria yang digunakan oleh Newsom dan Wollert (1988) telah diterima pakai. Seterusnya, teori kohesi yang diperkenalkan oleh Halliday dan Hasan (1976) diterapkan dalam analisis kedua-dua alat kohesif tersebut.

Korpus kajian ini terdiri daripada 200 wacana berita politik yang dipetik daripada dua (2) akhbar utama berbahasa Melayu iaitu *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*, dari bulan Januari hingga Mei 2001.

Kajian ini menemui lapan (8) gerakan yang digunakan untuk membentuk struktur organisasi wacana berita politik. Daripada gerakan tersebut, lima (5) adalah wajib dan tiga (3) adalah pilihan. Sebuah model, yang merupakan model original kepada kajian ini, telah dibentuk bagi menentukan struktur genre wacana berita politik.

Hasil analisis mendapati kedua-dua alat kohesif rujukan dan kata hubung memainkan peranan penting bagi mewujudkan tautan wacana berita.

Dapatan kajian ini menyokong sepenuhnya teori kohesi Halliday dan Hasan (1976).

Dengan itu dapat disimpulkan bahawa wacana berita politik merupakan sebuah teks berdasarkan wujudnya hubungan kohesif di antara kedua-dua alat kohesif yang diselidik dalam kajian ini, dan alat-alat tersebut mewujudkan tekstur di dalam teks.

ABSTRACT

This research identifies the structure of political news discourse in the local Malay newspapers in Malaysia. It also specifically examines the use of two (2) cohesive devices; reference and conjunction.

In general, the study applies the genre approach introduced by Swales (1981). In the identification of the organizational features of political news discourse, the criteria used by Newsom and Wollert (1988) were adopted. The theory of cohesion introduced by Halliday and Hasan (1976) was then adapted in the analysis of the two (2) cohesive devices.

The corpus consisted of 200 political news discourse taken from two (2) leading Malay newspapers, *Utusan Malaysia* and *Berita Harian*, from January to May 2001.

The study found eight (8) moves in the organizational structure of political news discourse, five (5) of which are obligatory and followed by three (3) optional moves. A model, which is original to this research, was then developed to help in the identification of the generic structure of political news discourse.

The findings of this study fully support Halliday and Hasan's theory (1976) of cohesion. It can therefore be concluded that political news discourse is a text based on the existence of a cohesive relationship between the two (2) cohesive devices investigated in this study, and that these devices create texture within the text.

PENGHARGAAN

Dengan penuh rendah hati, saya melaafazkan ucapan syukur ke hadrat Allah S.A.W., kerana dengan izin-Nya saya dapat melalui saat-saat pahit-manis dan suka-duka ketika menyiapkan tesis ini. Alhamdullillah, akhirnya terhasil juga sebuah kajian yang tidak sepertinya ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada bekas penyelia saya, iaitu Profesor Emiritus Dato' Dr. Hajah Asmah Haji Omar kerana sudi menjadi penyelia saya. Beliau telah memperkenalkan bidang kajian analisis teks ini kepada saya dan terima kasih sekali lagi kerana memberi kesempatan kepada saya untuk berguru dengannya.

Kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Su'ad Awab sekalung terima kasih saya ucapkan kerana sudi menjadi penyelia saya. Beliau begitu prihatin terhadap kemajuan penyelidikan saya dan sentiasa memberi dorongan, semangat, bimbingan serta tunjuk ajar hingga ke saat-saat akhir saya menyiapkan tesis ini. Allah sahaja yang membalaq budi-baik beliau.

Kepada Universiti Teknologi MARA, saya tidak lupa mengucapkan terima kasih kerana memberi biasiswa kepada saya untuk melanjutkan pelajaran, kepada Pusat Bahasa, Universiti Teknologi MARA diucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Ph.D. Buat rakan-rakan, terutama pensyarah di Pusat Bahasa yang tidak jemu-jemu memberi dorongan, bantuan dan sokongan diucapkan terima kasih. Akhir sekali, istimewa untuk teman-teman pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Pusat Bahasa yang

sering menghulurkan bantuan dan berkorban masa serta tenaga untuk saya ketika saya bercuti bagi menyiapkan tesis, terima kasih daun keladi.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada kakitangan pentadbiran Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya khususnya Dr. Kamila Ghazali, Timbalan Dekan kerana sudi memberi bantuan dan nasihat kepada saya. Tidak lupa juga kakitangan Perpustakaan Universiti Teknologi MARA dan Universiti Malaya, khusus kepada Pn. Che Puteh Ismail kerana banyak membantu saya mendapatkan bahan rujukan.

Di sini, ada beberapa nama yang ingin saya sebut dan diiringi dengan ucapan terima kasih kerana sering memberi khidmat kepakaran, dorongan dan nasihat iaitu Profesor Dr. Hazadiah Mohd. Dahan, Dekan Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA, Profesor Madya Dr. Hawa Rohany, Profesor Madya Dr. Fatimah Dinna Mohd Din dan Profesor Madya Hajah Hanafiah Haji Mat dari Pusat Bahasa, Universiti Teknologi MARA.

Akhir sekali, kepada suamiku, putera dan puteriku serta keluargaku, pengorbanan, kesabaran, dorongan dan kasih sayang mereka amat kuhargai hingga ke akhir hayat.

Asma Yusoff
Jabatan Pengajian Melayu
Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA

September 2003